1223/1
PENDIDIKAN
ISLAM
KERTAS 1
2 JAM 30 MINIT
JULAI 2026

NAMA :..........................................................................................

KELAS :..........................................................................................

# MODUL PINTAS PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
# TINGKATAN 5
# TAHUN 2026

## PENDIDIKAN ISLAM
**Kertas 1**
**Dua jam tiga puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **lima** *soalan.*
2. *Jawab* **semua** *soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. **Buku jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi **7** halaman bercetak dan **1** halaman tidak bercetak.

1223/1 © Hak Cipta MPSM PAHANG 2026

*Jawab* **semua** *soalan*

1 (*a*) Firman Allah SWT:

قَدْ أَفْلَحَ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ ٱلَّذِينَ هُمْ فِى صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ ﴿٢﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ عَنِ ٱللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾
وَٱلَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَوٰةِ فَٰعِلُونَ ﴿٤﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَٰفِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰٓ أَزْوَٰجِهِمْ أَوْ مَا
مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾

(Surah al-Mukminun: 1-6)

Antara tuntutan dalam ayat di atas ialah menjaga kehormatan diri.

(i) Nyatakan maksud menjaga kehormatan diri. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** akibat melakukan perbuatan salah laku seksual. [2 *markah*]




(iii) Mengapakah perbuatan di atas masih berleluasa dalam masyarakat? [2 *markah*]

(iv) Berdasarkan data di atas, cadangkan langkah yang boleh dilakukan oleh kerajaan bagi membendung salah laku tersebut daripada terus berleluasa dalam negara ini. [4 *markah*]

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

(*b*) Sabda Rasulullah SAW:

> عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ
> قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ قَالَ الشِّرْكُ بِاللَّهِ وَالسِّحْرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ
> وَأَكْلُ الرِّبَا وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ وَالتَّوَلِّي يَوْمَ الزَّحْفِ وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ
> (متفق عليه)

Hadis di atas menerangkan tentang tujuh dosa besar yang mesti dijauhi antaranya ialah memakan riba.

(i) Apakah maksud makan riba? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** kesan makan riba terhadap masyarakat. [2 *markah*]

> Firman Allah SWT yang bermaksud:
> *"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memakan (atau mengambil) riba dengan berlipat ganda, dan hendaklah kamu bertakwa kepada Allah supaya kamu berjaya."*
>
> (Surah ali-Imran : 30)

(iii) Berdasarkan maksud ayat di atas, huraikan hikmah menjauhi larangan tersebut.
[4 *markah*]

| | |
|---|---|
| عٓسٓقٓ ۝٢ | (i) |
| عَلَيْهِمْ وَلَا ٱلضَّآلِّينَ ۝٧ | (ii) |

(*c*) Nyatakan jenis *mad lazim* bagi kalimah yang bergaris dalam ayat di atas. [2 *markah*]

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

2 (a) Tidak percaya atau ragu-ragu dengan perkara yang berkaitan *al-Uluhiyyat* boleh membatalkan iman seseorang.

(i) Jelaskan **dua** contoh batal iman dari aspek *al-Uluhiyyat*. [2 *markah*]

(ii) Terangkan implikasi melakukan perkara yang membatalkan iman. [2 *markah*]




(iii) Tentukan contoh batal iman dari aspek perkataan berdasarkan perbualan di atas. Jelaskan alasan anda. [2 *markah*]

(iv) Terdapatnya remaja pada hari ini yang mengucapkan perkataan seperti situasi tersebut. Kemukakan pendapat anda. [4 *markah*]

(*b*) (i) Aliran Khawarij bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jelaskan sejarah ringkas aliran tersebut. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan perbezaan pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan Khawarij berkaitan isu kedudukan iman. [2 *markah*]




(iii) Ucapan di atas bertentangan dengan prinsip akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Huraikan sebab Islam melarang ucapan seperti di atas. [2 *markah*]

(iv) Sebagai seorang murid, apakah tindakan yang wajar anda lakukan sekiranya rakan anda terlibat dengan situasi di atas. [4 *markah*]

3 (*a*) Akad merupakan perkara yang perlu ada dalam urusan perniagaan dan kewangan.

(i) Senaraikan **dua** rukun akad selain perkara yang diakadkan. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** syarat perkara yang diakadkan. [2 *markah*]


NASIONAL

7,600 RAKYAT MALAYSIA MANGSA SKIM CEPAT KAYA

(iii) Cadangkan tindakan yang perlu diambil oleh anda sebelum menyertai mana-mana skim pelaburan. [2 *markah*]

(iv) Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan punca yang menyebabkan masyarakat masih terpedaya walaupun banyak diberi peringatan oleh kerajaan. [4 *markah*]

(*b*) Fasakh merupakan antara isu-isu yang berkaitan dengan perkahwinan.

(i) Nyatakan maksud fasakh. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan sebab isteri memohon fasakh. [2 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** implikasi perkahwinan yang tidak mengikut syariat dan undang-undang Islam. [2 *markah*]




(iv) Sebagai umat Islam yang prihatin, bagaimanakah anda dapat membantu pihak berkuasa mengatasi perkara tersebut? [4 *markah*]

4 (a) Kerajaan Umaiyyah merupakan sebuah kerajaan Islam yang gemilang.

(i) Nyatakan **dua** fakta sejarah kerajaan Islam Umaiyyah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Umaiyyah dalam aspek sosial. [2 *markah*]

| |
|---|
| Perkembangan pelbagai bidang ilmu berjaya melahirkan ramai sarjana dan ilmuan Islam seperti Ibnu Sina, Jabir al-Hayyan dan al-Idrisi. |

(iii) Jelaskan mengapa perkara tersebut penting bagi umat Islam. [2 *markah*]

(iv) Huraikan cabaran yang akan dihadapi pada masa kini dalam merealisasikan situasi tersebut. Kemukakan pendapat anda. [4 *markah*]

(*b*)

- Lahir pada 14 oktober 1906
- Seorang yang gigih mengerakkan usaha dakwah.
- Guru yang tersohor seperti Sheikh Muhammad Zahran.
- Antara muridnya yang masyhur seperti Yusof al-Qardhawi.

(i) Berdasarkan maklumat di atas, siapakah tokoh tersebut? [1 *markah*]

(ii) Nyatakan sumbangan beliau dalam organisasi. [1 *markah*]

(iii) Senaraikan **dua** hasil karya beliau. [2 *markah*]

(iv) Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda dapat mencontohi sikap tokoh tersebut semasa berdakwah? [2 *markah*]

(v) Huraikan bagaimana ketinggian akhlak beliau dapat memberikan inspirasi kepada generasi muda. [4 *markah*]

5 (*a*) Bersikap benar merupakan salah satu daripada sifat mahmudah.

(i) Nyatakan **dua** tuntutan bersikap benar dalam menepati janji. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan contoh bersikap benar yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. [2 *markah*]

| |
|---|
| Maksud hadis: *Tanda orang munafik ada tiga, iaitu apabila berkata-kata dia akan berdusta...* |
| (*Riwayat al-Bukhari)* |

(iii) Ramalkan implikasi terhadap seseorang yang bersikap seperti di atas. [2 *markah*]

(iv) Cadangkan langkah yang boleh dilakukan oleh masyarakat bagi mengatasi situasi tersebut. [4 *markah*]

(*b*) Sifat istiqamah ialah salah satu sifat yang terpuji.

(i) Apakah maksud istiqamah? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** cara anda menanamkan sifat istiqamah dalam diri. [2 *markah*]

| |
|---|
| "Amalan yang sedikit tetapi berterusan lebih dicintai Allah daripada amalan yang banyak tetapi terputus" |
| (Imam al-Nawawi) |

(iii) Sokong pernyataan di atas dengan mengemukakan hujah anda. [2 *markah*]

(iv) Ramalkan impak jika pernyataan tersebut diaplikasikan oleh setiap muslim. [4 *markah*]

**KERTAS SOALAN TAMAT**